

# Pengorbanan barisan hadapan tangani...

Oleh Abang Ismail Abang Sa'ad

**BINTULU:** Pengorbanan petugas kesihatan yang terdiri daripada doktor, jururawat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan mana-mana pihak yang terlibat dalam perkhidmatan penting tidak ternilai harganya dalam menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara.

Barisan penting membabitkan petugas kesihatan dan pasukan keselamatan ini bekerja siang dan malam selama 24 jam bagi memastikan rakyat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu hingga 14 April 2020 dalam usaha memutuskan rantaian wabak sekali gus memastikan seluruh rakyat di negara ini berada dalam keadaan selamat memandangkan COVID-19 senang untuk menjangkiti sesiapa pun.

Dalam usaha mematuhi penjarakan sosial dan pelaksanaan PKP di Bintulu, Utusan Borneo telah menemui buai melalui WhatsApp beberapa pihak berkenaan pengorbanan besar serta harapan terhadap petugas-petugas barisan hadapan yang tidak pernah kenal erti penah lelah untuk memulihkan keadaan negara sebagai gus memastikan rantaian wabak ini dapat diputus dan dibendung sepenuhnya.

Penghargaan besar dan sanjungan tinggi terhadap petugas barisan hadapan ini amat wajar terutamanya kepada petugas kesihatan yang mempertaruhkan nyawa mereka demi menyelamatkan nyawa orang lain semasa menjalankan tugas merawat pesakit COVID-19 bahkan pasukan keselamatan pula terpaksa berpanas dan berhujan di luar untuk memastikan rakyat di negara ini mematuhi PKP.

## KERJASAMA PENTING

Mengulas situasi itu Pengerusi Persatuan Anak Tatau (PERANTAU) merangkap Setiausaha Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pasar Lama Tatau, Mohd Rizal Julahi, 45, bagi pihak (PERANTAU) dan KRT Pasar Lama Tatau mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga kerja barisan hadapan seperti PDRM, ATM, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, doktor serta jururawat perubatan di kawasan daerah Tatau yang sentiasa siap sedia menjalankan tugas ketika PKP dilaksanakan.

"Ini memberi keyakinan dan keselamatan kepada rakyat yang duduk di rumah terutama dalam usaha melawan musuh yang tidak kelihatan (COVID-19).

"Kita juga berharap kerjasama sepenuhnya daripada rakyat Tatau agar mematuhi arahan pihak berkuasa untuk kekal di rumah (#stayathome). Kita berharap barisan hadapan akan kekal tabah dan berse-



**PENGUATKUASAAN:** Pasukan keselamatan barisan hadapan melibatkan polis dan tentera yang membuat sekatan jalan raya di Jalan Tun Hussein Onn dengan memantau dan memeriksa pemandu kenderaan dari Jalan Miri menghala ke pusat bandar Bintulu agar mematuhi PKP yang dilaksanakan sejak 18 Mac lalu hingga 14 April ini.

mangat tinggi ketika menjalankan tugas," katanya.

Beliau berkata, sebagai rakyat biasa, kita akan kekal mematuhi peraturan ketika PKP demi mengurangkan beban petugas di barisan hadapan.

## PENGHARGAAN TERTINGGI

Pengerusi Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak Jaba-

berkongsi berita palsu berkaitan COVID-19," katanya sambil menyeru penduduk agar kekal duduk di rumah atau #stayathome.

## TIDAK TERBALAS

Manakala Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Kebangsaan (SK) Kidurong 1 Abdul Aziz Dahlan, 46, turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima

kan oleh kerajaan dan pihak berkuasa di negara ini untuk membendung COVID-19.

"Alhamdulillah saya amat bersyukur semua petugas barisan hadapan sangat berani dalam menjalankan tugas ketika negara kita berhadapan dengan penularan wabak COVID-19.

"Saya amat berterima kasih kepada semua barisan hadapan yang bertugas di Kementerian Kesihatan

lah @ Musek, 53, berkata, tidak dinafikan petugas barisan hadapan khususnya doktor, jururawat, pegawai perubatan dan yang lainnya kini berusaha keras sehingga sanggup menepikan segala penat lelah untuk membendung penularan wabak COVID-19.

Katanya, pejuang barisan hadapan terutamanya doktor, jururawat, polis, tentera, sukarelawan dan petugas pembersihan yang sekiranya difikirkan juga perlu untuk #dudukdirumah demi untuk menjaga keselamatan diri dari dijangkiti wabak namun mereka sanggup merisikokan diri demi untuk menyelamatkan rakyat lain dalam membendung penularan wabak dan kerja mereka ini mendapat perhatian dan amat disanjung tinggi oleh rakyat seluruhnya.

"Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada wira dan wirawati negara yang bertungkus lumus bekerja selama berbelas jam sehari demi memastikan nyawa mangsa wabak COVID-19 terselamat serta memastikan rakyat tidak ingkar dan mematuhi PKP.



tan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Bintulu, Kediri Yusof, 47, turut senda mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada petugas barisan hadapan semasa PKP ini masih berkuatkuasa.

"Petugas barisan hadapan ini tidak mengira hujan atau panas pada siang dan malam terutamanya pihak polis, tentera, para doktor serta jururawat bekerja bertungkus-lumus dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19," katanya.

Katanya, kepada individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang turut membantu menyampaikan sumbangan kepada rakyat memerlukan bantuan, jasa mereka juga amat dihargai.

"Tidak lupa kepada para wartawan yang sentiasa berusaha untuk menyampaikan berita sah agar masyarakat tidak mudah

kasih kepada wira-wira negara kita iaitu petugas barisan hadapan di seluruh negara yang berusaha memerangi wabak Covid-19.

"Sesungguhnya segala penat lelah serta pengorbanan anda semua tidak dapat kami balas cuma sekadar ucapan terima kasih. Semoga Tuhan memberi kekuatan dan kesihatan yang baik kepada barisan hadapan seluruh negara serta dipermudahkan segala urusan," katanya sambil menasihati seluruh rakyat di negara ini untuk kekal duduk di rumah dan patuh arahan PKP. 'Kita Jaga Kita'.

## BERSYUKUR

Sementara itu Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Roslan Ismail, 39, menyatakan rasa syukur dengan usaha yang dilaksana-

Malaysia (KKM), pasukan polis, tentera, Imigresen dan pasukan RELA yang sama-sama turut membantu, anda sememangnya wira negara," ujarnya.

Beliau menyeru semua rakyat negara ini agar sama-sama menjaga kesihatan diri supaya wabak COVID-19 ini dapat dihapuskan segera serta kekal duduk di rumah semasa tempoh PKP bagi memutuskan rantaian wabak.

Katanya, saya memohon agar rakyat Malaysia dapat sama-sama membantu menangani penularan wabak COVID-19 ini dengan menjaga diri dan kesihatan dengan #stayathome #dudukrumah #hitajagabisa.

## TERUS BERMOTIVASI

Pegawai Ihtisas Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu Muhammad Safwan Abdul-

# COVID-19



KEDERI



MOHD RIZAL



ABDUL AZIZ



ROSLAN



MUHAMMAD SAFWAN

melakukan kerja dalam talian (online).

"Kita juga perlu mengingatkan diri sama ada yang terpaksa meneruskan kerja di luar atau membeli barang-barang makanan keperluan semasa tempoh PKP ini untuk sentiasa memakai penutup mulut dan hidung serta sarung tangan sebagai langkah penting agar tidak dijangkiti wabak," katanya.

Justeru beliau berharap dan mendoakan agar rakyat Malaysia terlindung dari dijangkiti wabak berbahaya ini dan seluruh negara segera pulih seperti sedia kala.

"Kita juga perlu menerima nasihat daripada petugas barisan hadapan melibatkan doktor serta jururawat berkenaan cara menjaga kebersihan diri, kekal duduk di rumah serta tidak mend-

Bintulu Sarjan Mohd Arif Yahya@Bob, 58, menyifatkan tugas mereka di barisan hadapan sebagai alah bisa, tegal biasa.

Katanya, dengan pemeriksaan setiap hari selama enam jam mengikut syif tiada masalah untuk mereka melakukan tugas sekatan itu semasa tempoh PKP.

Menurutnya, giliran bertugas yang ditetapkan semasa tempoh PKP untuk PDRM adalah empat syif dari jam 6 pagi hingga 12 tengah hari, 12 tengah hari hingga 6 petang, 6 petang hingga 12 tengah malam dan 12 tengah malam hingga 6 pagi turut memberi



"Sebagai rakyat Malaysia, saya berharap pejuang barisan hadapan ini terus bermotivasi dalam memastikan diri mereka turut terhindar daripada wabak tersebut ketika bertugas serta membantu rakyat lain yang menghadapi kesukaran," katanya.

Dalam mematuhi PKP ini katanya, kita harus berdisiplin dan akur dengannya sekali gus dalam tempoh ini cara kerja juga telah berubah dengan tidak lagi ke pejabat sama ada pada hujung minggu rehat atau hari-hari kerja biasa sebaliknya kini perlu

edahkan diri kepada wabak ini dengan bertindak keluar rumah tanpa tujuan.

"Tidak lupa juga dengan khidmat pengamal media juga sebagai barisan hadapan yang tidak jemu-jemu sentiasa siapsiaga menyalur maklumat yang terkini berkenaan perkembangan COVID-19," ujarnya.

## ALAH BISA, TEGAL BIASA

Bagi anggota polis dari Jabatan Susatan Dan Penguatkuasaan Trafik PDRM

ruang untuk setiap anggota berehat.

ATM pula katanya, mereka yang membantu polis dalam sekatan jalan raya turut berkawal dalam tiga syif dari jam 8 pagi hingga 4 petang, 4 petang hingga 12 tengah malam dan 12 tengah malam hingga 8 pagi.

Meskipun tempoh bertugas agak lama selama 24 jam beliau turut menyatakan harapan besarnya agar wabak COVID-19 itu akan menghilang sekali gus orang ramai dapat meneruskan kehidupan harian seperti biasa.

